



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HJ SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PENYERAHAN PROJEK TANGGUNGJAWAB SOSIAL
PEMBINAAN BILIK PENGURUSAN DAN MANDI JENAZAH
DI MASJID AL MUJIB, MASJID TANAH, MELAKA
TARIKH: 12 DISEMBER 2021 (AHAD), MASA: 10.00 PAGI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, dan Salam Melakaku Maju Jaya,
Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima kasih kepada saudara Pengacara Majlis,

**YANG BERBAHAGIA DATO' CHE SUKRI CHE MAT,
PENGARAH JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA;**

**YANG BERUSAHA ENCIK RUSLI BIN JAAFAR,
TIMBALAN PENERUS EKSEKUTIF SURUHANJAYA
KOPERASI MALAYSIA;**

**YANG BERUSAHA ENCIK MUHAMMAD IKRAM BIN
IBRAHIM,
SETIAUSAHA MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA;**

**YANG BERUSAHA ENCIK MOHD FIRDAUS BIN SHAARI,
PENGARAH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
NEGERI MELAKA;**

**YANG BERUSAHA PUAN NORISMAWATI BINTI
JASMANI,
PENGARAH PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR NEGERI
MELAKA;**

**YANG BERBAHAGIA DATUK TAJUDIN BIN HUSIN,
YANG DIPERTUA PERSATUAN KONTRAKTOR MELAYU
MALAYSIA MELAKA;**

**YANG BERUSAHA TUAN HAJI MOHD NOOR BIN HAJI
DALAB,
PENGERUSI MASJID AL-MUJIB;**

**SETERUSNYA, PARA PENYUMBANG PROJEK
TANGGUNGJAWAB SOSIAL PEMBINAAN BILIK
PENGURUSAN JENAZAH, MASJID AL-MUJIB, MASJID
TANAH, MELAKA.**

**SAUDARA DAN SAUDARI YANG SAYA HORMATI
SEKALIAN,**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya, pada pagi ini, kita sama-sama berpeluang hadir ke **Majlis Penyerahan Projek Tanggungjawab Sosial Pembinaan Bilik Pengurusan Jenazah Masjid Al Mujib, Masjid Tanah, Melaka.**
2. Program ini merupakan anjuran bersama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Melaka, Pusat Khidmat Kontraktor Negeri Melaka bersama-sama dengan rakan strategik Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Melaka dan Koperasi Kontraktor

Melayu Melaka Berhad yang juga merupakan kontraktor yang dilantik dalam Projek Tanggungjawab Sosial (CSR) ini.

3. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penganjur di atas kesudian menjemput saya hadir dan memberi peluang kepada saya untuk bertemu dengan pemimpin-pemimpin dan anggota koperasi di Negeri Melaka.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

4. Kerajaan Negeri Melaka amat menggalakkan supaya semua syarikat atau entiti perniagaan di Negeri Melaka mempraktikkan konsep perkongsian pintar dalam menunaikan tanggungjawab sosial dengan mengutamakan kepentingan masyarakat dalam strategi perniagaan masing-masing.

5. Saya difahamkan terdapat **empat** objektif utama tanggungjawab sosial iaitu:-

- i) Untuk membudayakan konsep **“Kebajikan Tanggungjawab Bersama”** dalam kalangan sektor korporat dan perniagaan,
 - ii) Menggalakkan sektor korporat untuk terus melaksanakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat dan pembangunan sosial negara,
 - iii) Menyemarakkan semangat kesukarelaan dalam kalangan masyarakat, serta
 - iv) Memupuk budaya “komuniti untuk komuniti” melalui *social empowerment*.
6. Sektor Koperasi merupakan satu entiti yang dibentuk oleh sekumpulan individu daripada satu-

satu komuniti bagi memenuhi keperluan bersama. Apabila koperasi telah mencatatkan keuntungan daripada aktiviti perniagaan yang dijalankan, maka lebihan keuntungan tersebut dipulangkan semula kepada komuniti **selaras dengan Prinsip ke-7 koperasi iaitu “Mengambil Berat Terhadap Masyarakat”**.

7. Ini yang kita sebutkan sebagai **‘daripada komuniti untuk komuniti’**. Saya dimaklumkan bahawa sebanyak **17 buah koperasi di Negeri Melaka termasuk agensi daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Melaka telah menyumbang dana**

untuk Projek Tanggungjawab Sosial ini dengan jumlah sumbangan terkumpul sebanyak **RM23,400.00** yang telah disalurkan bagi tujuan pembinaan bilik pengurusan dan mandi jenazah di Masjid Al-Mujib, Masjid Tanah Melaka.

8. Tahniah dan syabas saya ucapkan di atas niat murni saudara dan saudari sekalian. Semoga Allah SWT sahaja yang akan membalas segala kemurahan hati saudara dan saudari berserta anggota dan semoga Allah terus melimpahkan rahmat dan kasih sayangnya kepada saudara dan saudari semua.

9. Sesungguhnya, sektor koperasi merupakan **sektor ketiga** terpenting dalam pembangunan ekonomi selepas sektor swasta dan kerajaan. Oleh itu, bagi menjadikannya kekal relevan, lestari dan kompetitif, sokongan daripada anggota-anggota serta pengurusan koperasi adalah penting dalam usaha meningkatkan taraf sosio-ekonomi komuniti setempat, masyarakat dan seterusnya menjana kepada pembangunan yang diharapkan oleh Kerajaan Negeri Melaka.

10. Saya juga difahamkan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) sebagai agensi yang memantau perjalanan

masjid dan surau di Negeri Melaka, tidak mempunyai halangan bagi membenarkan mana-mana pihak untuk menyampaikan sumbangan melalui tanggungjawab sosial ini. **Tahniah saya ucapkan!**

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

11. Pencapaian gerakan koperasi pada tahun **2020** mencatatkan bilangan koperasi berdaftar sebanyak **457** buah, jumlah syer/yuran sebanyak **RM106.9 juta**, jumlah aset sebanyak **RM497.6 juta** dan perolehan berjumlah **RM78.6 juta**.

12. Saya difahamkan baru-baru ini, Kerajaan Persekutuan melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM20 juta** di bawah **Program Pembiayaan Intervensi Pemulihan Ekonomi Koperasi** yang merupakan inisiatif di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi bagi membolehkan usahawan menjalankan aktiviti ekonomi secara berkumpulan melalui koperasi, termasuk memasarkan produk melalui platform dalam talian serta menggalakkan pembelian barangan di kedai koperasi bagi merencanakan kembali aktiviti koperasi yang terjejas.

13. Saya mendoakan semoga usaha Suruhanjaya Koperasi Malaysia bagi membantu gerakan koperasi dimanfaatkan sebaiknya oleh koperasi di Negeri Melaka ini bagi mengaktifkan semula aktiviti koperasi atau meneroka peluang baharu dalam bidang perniagaan yang lain daripada aktiviti koperasi sedia ada.

14. Bagi tahun 2021, **pihak SKM Negeri Melaka telah menyalurkan sejumlah RM6.46 juta dana yang terdiri daripada geran bantuan dan pembiayaan** kepada gerakan koperasi di Negeri Melaka untuk pelbagai aktiviti projek perniagaan. Semoga dana ini

dapat dimanfaatkan sebaiknya dan dapat meningkatkan pendapatan serta keuntungan koperasi yang terlibat.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

15. Saya amat menyokong peranan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) serta agensi-agensinya untuk menjadikan Melaka sebagai sebuah negeri keusahawanan yang unggul selaras dengan Misi T.E.R.A.S iaitu **“Entrepreneurship”** untuk menyokong agenda

pembangunan keusahawanan negara yang inklusif, mampan serta dipacu oleh pengetahuan dan inovasi.

16. Sementara itu, satu lagi agensi yang bertanggungjawab menjayakan program tanggungjawab sosial pada hari ini adalah **Pusat Khidmat Kontraktor** di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Peranan Pusat Khidmat Kontraktor adalah memberi penarafan Sijil Taraf Bumiputera kepada kontraktor kerja yang berkelayakan. Sehingga **31 Oktober 2021**, kontraktor Bumiputera di seluruh negara yang berdaftar di bawah PKK dari **Gred G1 hingga**

Gred G7 adalah seramai **68,057** bilangan syarikat. Ini membuktikan Kerajaan sangat komited dalam melaksanakan dasar keutamaan Bumiputera.

17. Saya juga difahamkan bahawa Pusat Khidmat Kontraktor telah melaksanakan Program CSR atau lebih dikenali sebagai '**Program Latihan Tapak Dan Khidmat Komuniti**' yang mana di samping menyediakan latihan praktikal kepada kontraktor yang terlibat, pada masa sama memberi manfaat kepada komuniti setempat untuk kerja-kerja membaik pulih fasiliti sedia ada melalui peruntukan yang disalurkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor.

Contoh Program CSR yang telah dilaksanakan di Melaka adalah kerja-kerja menaik taraf tembok keselamatan di Maahad Tahfiz Darul Quran Lesung Batu, Alor Gajah, Melaka dan kerja-kerja membaik pulih Masjid As Sa'adah di Ujong Pasir.

18. Apa yang ingin saya rumuskan di sini adalah kejayaan program ini adalah hasil gabungan dan kerjasama agensi-agensi kerajaan negeri dan Persekutuan serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Melaka yang sama-sama menggembeng tenaga dalam memastikan projek ini dapat direalisasikan.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

19. Akhir kata, tahniah di atas Majlis Penyerahan Projek Tanggungjawab Sosial Pembinaan Bilik Pengurusan dan Mandi Jenazah Masjid Al Mujib, Masjid Tanah, Melaka. Semoga pembinaan ini dapat memanfaatkan seluruh komuniti dan ahli kariah di Kampung Durian Daun ini serta menjadi asbab dan saham akhirat bagi anggota-anggota koperasi yang mempunyai bahagian dalam sumbangan tanggungjawab sosial ini.

20. Di kesempatan ini, saya mengucapkan tahniah kepada wakil Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Melaka Berhad yang merupakan wakil tunggal koperasi Negeri Melaka yang berjaya tersenarai di tempat **ke-43** dalam **Index 100** koperasi terbaik Malaysia bagi tahun 2020 dan saya harapkan supaya lebih banyak lagi koperasi-koperasi di Negeri Melaka ini akan tersenarai dalam Index 100 koperasi terbaik bagi tahun-tahun akan datang. **Insya-Allah.**

21. Dengan lafaz kalimah suci Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Penyerahan Projek Tanggungjawab Sosial Pembinaan Bilik Pengurusan dan Mandi Jenazah.

Sekian, Terima Kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warrahmatullahi Wabarakatuh.